PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT SERTA PANDUAN PENULISAN ARTIKEL BAGI PENERBITAN BULETIN KERAJAAN DIGITAL

1.0 OBJEKTIF

Peraturan dan syarat-syarat ini disediakan sebagai panduan bagi penulisan artikel untuk dimuatkan dalam penerbitan Buletin Kerajaan Digital terbitan Jabatan Digital Negara (JDN).

2.0 PENGENALAN

2.1 Sumbangan artikel bagi penerbitan Buletin Kerajaan Digital adalah digalakkan kepada semua barisan Pakar ICT setiap bidang di JDN dan juga yang terdapat di kementerian/agensi sektor awam di Malaysia.

2.2 Artikel yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada inisiatif, projek, hasil kerja penyelidikan dan inovasi baharu dalam bidang pendigitalan sektor awam.

3.0 SYARAT PENERIMAAN

3.1 Artikel dihasilkan mestilah merupakan karya asli penulis yang belum pernah diterbitkan dalam mana-mana penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya sama ada di dalam atau luar negara.

3.2 Artikel hendaklah disediakan dalam bentuk ***Microsoft Word*** (*softcopy*) dan mengikut format seperti yang telah digariskan dalam perkara 4.0.

4.0 FORMAT PENULISAN

4.1 Artikel perlu ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

4.2 Artikel yang disumbangkan boleh ditulis oleh lebih dari seorang penulis (maksimum 3 penulis).

4.3 Artikel perlu disemak menggunakan Dewan Eja terkini atau kamus yang bersesuaian supaya tiada kesilapan ejaan.

4.4 Artikel perlu disertakan dengan senarai rujukan dalam bentuk bibliografi atau pautan pada bahagian akhir artikel. Format rujukan hendaklah mengikut sistem *American Psychological Association* (APA) terkini. Senarai rujukan dalam bentuk pautan hendaklah diberikan pautan yang spesifik dan lengkap berkaitan isi artikel, bukan pautan yang umum.

4.5 Penulis perlu menyertakan sekurang-kurangnya satu (1) bahan grafik (ilustrasi gambar, rajah, jadual atau carta) dengan keterangan ringkas / *caption* sebagai pelengkap kepada artikel dan mengikut format pada tajuk jadual / rajah / gambar.

4.6 Sebarang jadual, rajah atau carta hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1/Rajah 1, Jadual 2/Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk bagi jadual, rajah atau carta perlu disediakan mengikut *American Psychological Association* (APA) terkini.

4.7 Penulis perlu menghantar artikel dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) beserta dengan **bahan *source* gambar dan bahan grafik sebenar dalam bentuk *high resolution* (secara berasingan)** seperti berikut:

a) Gambar penulis - *high resolution,* saiz asal tanpa disunting
b) Bagi bahan grafik asli penulis - *high resolution*
c) Bagi bahan grafik yang diambil di Internet / sumber lain - *high resolution* serta pautan

4.8 Artikel hendaklah disertakan dengan satu (1) lampiran yang mempunyai nama penuh, alamat surat-menyurat, e-mel, nombor telefon pejabat dan telefon bimbit penulis seperti yang dinyatakan di **Lampiran B**.

5.0 KANDUNGAN ARTIKEL

5.1 Kandungan artikel hendaklah ditulis dalam bentuk inisiatif, projek berimpak tinggi, hasil kerja penyelidikan dan inovasi baharu dalam bidang pendigitalan sektor awam merangkumi bidang 4IR, Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI), Perundangan Siber, Pengkomputeran Awan atau Keselamatan Siber.

5.2 Artikel ditaip menggunakan *layout orientation portrait* kertas saiz A4 dalam jarak langkau (1.5 *line spacing*), jenis tulisan *Times New Roman* bersaiz 12 dan dalam format fail Microsoft Word (.doc atau .docx).

5.3 Tajuk artikel hendaklah ringkas dan padat. Di bawah tajuk dicatatkan butiran penulis:

a) Nama penuh penulis (*Size: 18 point, Bold & Title Case & Centered*)
b) Nama jabatan/bahagian/institusi (*Size: 10 point, Bold & Title Case & Centered*)
c) Alamat E-mel penulis (*Size: 9 point, Normal & Title Case & Centered*)

5.4 Struktur kandungan artikel hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya:

a) Latar belakang / pendahuluan / pengenalan

b) Isi kandungan berkaitan tajuk artikel
c) Kesimpulan / Implikasi / penutup

5.5 Akronim / singkatan yang digunakan dalam artikel hendaklah ditulis dengan ejaan nama penuh terlebih dahulu dan diikuti oleh akronim / singkatan dalam tanda kurung.

5.6 Panjang artikel di antara tiga (3) hingga lima (5) muka surat tidak termasuk gambar, carta, jadual dan infografik serta bahagian rujukan.

6.0 PENUTUP

6.1 Artikel yang berjaya diterbitkan akan diberikan sijil penghargaan dan senaskah Buletin Kerajaan Digital edisi terkini.

6.2 Sidang Redaksi mempunyai hak untuk menyunting tajuk dan artikel yang dikemukakan bagi pihak penulis. Barisan Sidang Redaksi Buletin Kerajaan Digital Tahun 2024 hingga 2026 adalah seperti **di Lampiran C.**

6.3 Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini dan penghantaran artikel, penulis boleh menghubungi urus setia seperti di bawah:

a) Pn. Nor Azlina binti Kamarudin
Telefon: 03-88725179
E-mel: norazlina@jdn.gov.my

b) Ts. Nursyafika binti Harsad
Telefon: 03-88723040
E-mel: syafika@jdn.gov.my